



Headline	Simposium Keusahawanan 2013 tingkatkan jumlah usahawan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	04 Mar 2013	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	197,952
Page No	L-28	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	267 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,277
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,831



Simposium Keusahawanan 2013 tingkatkan jumlah usahawan

KUALA LUMPUR 3 Mac - Hasrat kerajaan meningkatkan bilangan usahawan yang benar-benar berkecimpung dalam bidang perniagaan boleh dicapai melalui pelbagai program keusahawanan melibatkan penuntut institusi pengajian tinggi (IPT).

Timbalan Pengarah Pusat Pembangunan Keusahawanan dan EKS (UKM-CESMED), Prof. Dr. Aini Aman berkata, penglibatan golongan itu juga boleh menjadi pemangkin kepada pencapaian transformasi negara daripada ekonomi berpendapatan sederhana kepada berpendapatan tinggi.

Menurut beliau, program Simposium Keusahawanan merupakan inisiatif yang selari dengan hasrat universiti dan negara melahirkan siswazah serba boleh dengan menjadikan bidang keusahawanan sebagai cabang kerjaya selepas tamat pengajian kelak.

Katanya, Kementerian Pengajian Tinggi turut melancarkan Dasar Pembangunan Keusahawanan Institusi Pengajian Tinggi pada April 2010 bertujuan menggalakkan pembangunan keusahawanan lebih terancang dan holistik dalam kalangan penuntut IPT.

"Pelaksanaan inisiatif ini berpandukan dasar melahirkan siswazah yang mempunyai nilai, pemikiran dan semangat keusahawanan," katanya ketika berucap menutup Simposium Keusahawanan 2013 anjuran Kolej Aminuddin Baki, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), di sini semalam.

Program itu dihadiri 320 pelajar daripada UKM, Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Malaysian Institute of Aviation (MIAT), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Politeknik Shah Alam, Asasi Pintar UKM, Universiti Pendi-



AINI Aman (kanan) menandatangani kain rentang Simposium Keusahawanan 2013 pada majlis pelancaran di UKM, Bangi, semalam. Turut kelihatan, Umie Nor Ain Abdullah (kiri) bersama Felo Keusahawanan Kolej Aminuddin Baki, Lai Wei Sieng.

dikan Sultan Idris (UPSI) dan Kolej Poly-Tech Mara (KPTM) Bangi.

Menurut Aini, selari dengan saranan kerajaan UKM menubuhkan UKM-CESMED pada Oktober 2010 bertujuan menjadi pusat kecemerlangan yang menggabungkan pendidikan, keusahawanan dan pembangunan usahawan kecil dan sederhana.

Katanya, pusat itu menyediakan pembelajaran berasaskan pengalaman dan perundingan serta latihan pendekatan merangkumi aspek pendidikan, penyelidikan, perundingan dan perniagaan untuk meng-

galakkan pembangunan keusahawanan.

Sementara itu, Ketua Pengarah Projek, Umie Nor Ain Abdullah berkata, aktiviti yang dirancang sepanjang tiga hari program tersebut dapat mendedahkan penuntut IPT kepada kemahiran keusahawanan secara langsung.

"Program ini juga bagi memupuk sifat dan budaya keusahawanan selain melahirkan golongan pelajar yang berdaya saing dengan menjadikan bidang keusahawanan sebagai pilihan kerjaya utama," katanya.